

21/10/1998

Pendatang langgar peraturan tidak diterima

ALOR STAR, Selasa - Jabatan Imigresen akan memastikan pendatang asing yang terbabit dalam program pengampunan tidak diterima semula sebagai sebahagian daripada 120,000 pekerja asing baru.

Ini berikutan dasar kerajaan yang tidak membenarkan pendatang asing diterima semula sebagai pekerja di negara ini kerana melanggar peraturan jabatan berkenaan.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Mohd Jamal Kamdi, berkata kira-kira 30,000 pendatang asing yang sepatutnya pulang ke negara masing-masing sebelum akhir bulan ini tidak akan diterima semula sebagai pekerja baru kerana sudah melanggar peraturan.

"Dasar kerajaan ialah mereka disenaraikan sebagai orang yang tidak dibenarkan masuk semula ke negara ini untuk bekerja kerana melanggar peraturan Imigresen.

"Mereka yang diberikan pengampunan ini bukan setakat yang bekerja tanpa permit sah malah tinggal lebih masa, mengikut ibu bapa atau seumpamanya.

"Mereka ini apabila sudah dicatatkan nama dan pasport tidak akan dibenarkan masuk semula. Jika tidak, mereka mempermainkan kita," katanya selepas taklimat pelaksanaan kawalan import dan eksport mata wang, di Ibu Pejabat Jabatan Kastam negeri di sini, hari ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, hari ini berkata kerajaan meluluskan pengambilan baru 120,000 pekerja asing bagi menampung kekurangan tenaga pekerja dalam sektor pembinaan, perkilangan dan perladangan.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Menteri Dalam Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing, meluluskan pengambilan itu minggu lalu.

Sejak Januari hingga September lalu, jawatankuasa itu sudah meluluskan dua pengambilan pekerja asing berjumlah 100,000 orang.

(END)